



Jabatan Akuakultur UPM Bincang Pengeluaran Benih Ikan



Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Junaidi Che Ayub (kiri) menerima cenderamata daripada Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

PUTRAJAYA, 25 Mac – Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan seminar Fish Reproduction bagi membincangkan pengeluaran benih ikan untuk akuakultur.

Seminar tersebut telah memberikan sumbangan ilmu kepakaran kepada industri perikanan melalui pakar-pakar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Junaidi Che Ayub berkata pembangunan akuakultur perlu berdasarkan semua aspek pengurusan rantai bekalan iaitu dari peringkat pengeluaran benih, pengeluaran, pengendalian lepas tuai, pemrosesan sehingga dijual kepada pengguna.

"Perkembangan semasa menunjukkan industri pembenihan akuakultur di dalam negara mempunyai kapasiti pengeluaran yang cukup bagi menampung permintaan akuakultur air tawar dan udang laut.

"Teknologi pembenihan juga dapat membantu negara untuk terus memulihara pelbagai spesies ikan dan organisma akuatik yang semakin pupus dan terancam," katanya.

Beliau berkata sehingga kini banyak kejayaan telah dicapai dalam pembangunan teknologi pembenihan dan usaha tersebut perlu diteruskan untuk memastikan kelangsungan sumber biodiversiti akuatik negara.

Sementara itu Presiden Persatuan Perikanan Malaysia, Dr. Annie Christianus berkata perkongsian kepakaran melalui aktiviti yang dianjurkan seperti seminar, bengkel, penerbitan dan lawatan teknikal merupakan satu teras utama dalam pembangunan sektor pertanian untuk negara.

Beliau berkata ianya adalah selaras dengan keperluan negara untuk mencapai pengeluaran ikan 500,000 metrik tan menjelang tahun 2010.

Kata Dr. Annie kerajaan telah merumuskan dasar dan melaksanakan pelbagai alternatif untuk menggalakkan pembangunan akuakultur dengan tujuan menampung permintaan ikan domestik di samping bersaing dalam pasaran eksport makanan laut global.

"Sektor kecil ini telah memainkan peranan penting sebagai sumber pendapatan dan membekalkan sumber protein kepada penduduk di negara ini," katanya.



Seminar 'Fish Reproduction' mendapat sambutan orang ramai membincangkan tentang pengeluaran benih ikan yang diadakan di UPM baru-baru ini.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.